

Sasaran 2.4 juta sukarelawan

KDN berhasrat perluas peranan JPAM ke setiap daerah di Sarawak: Wan Junaidi

Oleh Rusnan Mustafa

KOTA SAMARAHAN: Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhasrat untuk memperluaskan peranan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) ke setiap daerah di negeri ini dalam usaha mencapai matlamat kerajaan melahirkan 2.4 juta penduduk terlibat dalam badan-badan sukarelawan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pembentukan JPAM di setiap daerah amat penting dalam memberikan perkhidmatan sukarela, termasuk menghulurkan bantuan ketika bencana.

Beliau menjelaskan, setakat ini JPAM mempunyai keanggotaan sukarelawan seramai 641,295 orang di seluruh negara.

"Kita berhasrat untuk mengembangkan JPAM ke seluruh daerah. Kita telah belajar dari apa yang berlaku baru-baru ini seperti insiden bot karam di Kapit dan kebakaran Kampung Datu, Sibu di mana kita terpaksa memanggil anggota dari kawasan lain.

"Kita yakin dapat mencapai 100,000 keahlian baharu setiap tahun supaya matlamat dan aspirasi kerajaan boleh digerakkan dalam menyemai semangat sukarela di kalangan masyarakat Malaysia," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah JPAM Sarawak Kol (PA) Mat Zin Bujang.

Wan Junaidi berkata, KDN juga mahu Majlis Keselamatan Negara (MKN) mempertingkatkan peralatan bantuan bagi membolehkan JPAM memberi perkhidmatan yang



SEGAK: Wan Junaidi memeriksa perbarisan pada Majlis Perasmian Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Universiti Malaysia Sarawak di Kota Samarahan, semalam. — Gambar Chimon Upon

lebih cekap dan baik kepada masyarakat.

Pada masa sama, menurutnya, kementerian merancang untuk menjalankan kerjasama dengan agensi atau syarikat berkaitan kerajaan yang mahu menubuhkan badan sukarelawan.

"Dengan ini, kita dapat memperkasakan peranan badan kesukarelawan bukan sahaja JPAM tetapi melibatkan pihak lain di seluruh negara," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Wan Junaidi menegaskan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) tidak memahami

mi secara mendalam apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan khususnya KDN.

Justeru, beliau menegaskan laporan yang dikeluarkan oleh SUARAM mengenai kementerian itu dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah tidak tepat dan tidak betul kerana tidak memahami fungsi dan tindakan yang telah dilaksanakan secara menyeluruh.

"Saya menafikan kenyataan SUARAM yang kurang tepat yang mengatakan kerajaan tidak menepati apa yang disarankan oleh suruhanjaya yang kini dikenali Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuat-

kuasaan (SIAP).

"Laporan SUARAM juga tidak tepat dan kurang memahami kerana laporan suruhanjaya mengatakan hampir 25 cadangan telah dilaksanakan oleh polis secara berperingat dan salah satu daripada cadangan itu adalah meningkatkan jumlah anggota," jelasnya.

Sementara itu, menyentuh mengenai laporan insiden tahanan mati dalam penjara atau lokap yang mendakwa pegawai polis terlibat tidak diambil tindakan undang-undang sejawarnya, Wan Junaidi berkata penyelidikan dan tindakan dibuat dengan serta-merta.

"Penyelidikan dibuat dengan serta-merta tetapi apa yang banyak dipersoalkan oleh masyarakat ialah kenapa pegawai terlibat tidak digantung kerja dan tidak ditutuh ketika itu juga.

"Ingin saya jelaskan bahawa tiap-tiap yang mati dalam penjara atau dalam tahanan polis atau lokap polis, satu perkara yang mestilah dibuat ialah proses post mortem (bedah siasat) kerana ia adalah undang-undang dan arahan," jelasnya.

Beliau berkata, proses post mortem itu dijalankan dan dilaksanakan oleh Jabatan Kimia untuk dianalisis se-

“Kita telah belajar dari apa yang berlaku baru-baru ini seperti insiden bot karam di Kapit dan kebakaran Kampung Datu, Sibu di mana kita terpaksa memanggil anggota dari kawasan lain. **”**

Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Timbalan Menteri Dalam Negeri

bagai bukti.

"Namun, ia memakan masa yang lama untuk memastikan organ atau bahan bukti itu selesai dianalisis," tambahnya.

Berhubung isu lain, Wan Junaidi menyarankan agar Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kerap turun padang menjalankan pemerhatian dan pemantauan bagi menangani masalah sapu.

"Kita tidak boleh bergantung kepada polis sahaja, JPJ juga harus memainkan peranan dalam membasmi aktiviti van sapu ini," ujarnya.

Mengulas lanjut mengenai Kor SISPA, Wan Junaidi menjelaskan setakat ini seramai 12,249 pelajar menyertai unit beruniform itu di 38 institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Semalam, UNIMAS secara rasminya menubuhkan Kor SISPA dengan ahli seramai 106 orang yang mana Timbalan Naib Canselor Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman dilantik sebagai komandan.